

Potongan 15% di Pintu KLIA Ekspres
Dengan Kad-i Bank Islam Visa (Kredit/Debit)
Terma & Syarat Promosi

1. Tawaran: Diskaun 15% diberikan pada setiap transaksi berdasarkan tambang dewasa penuh sehala di pintu masuk KLIA Ekspres menggunakan Kad-i Bank Islam Visa (Kredit/Debit) sahaja.
2. Tempoh Kempen: Promosi ini bermula pada 6 Januari 2020 dan telah dilanjutkan sehingga 31 Julai 2020. Diskaun sebanyak 15% yang ditawarkan semasa promosi ini terhad kepada 3,000 transaksi pertama atau sehingga 31 Julai 2020, yang mana lebih awal.
3. Promosi ini boleh digunakan untuk servis kereta api KLIA Ekspres dari KL Sentral ke KLIA atau KLIA2, dan sebaliknya sahaja.
4. Diskaun ini tidak boleh diguna pakai untuk produk, tambang, atau pakej lain.
5. Potongan diskaun akan dibuat di tempat keluar dari ruangan tren.
6. Diskaun ini tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh digunakan untuk promosi yang sedang berjalan, diskaun atau baucar lain.
7. Diskaun ini tidak boleh digunakan untuk saluran pembayaran yang lain seperti laman web KLIA Ekspres, kios layan diri atau kaunter tiket.
8. Promosi ini tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau produk atau perkhidmatan lain.
9. Setelah transaksi dilakukan, bayaran balik tidak dibenarkan.
10. Bank Islam dan Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung promosi ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman sesawang Bank Islam, di station ERL, media sosial dan laman sesawang ERL. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan promosi, tidak membolehkan Ahli Kad yang menyertai promosi ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank Islam dan/atau ERL bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh Ahli Kad sama ada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
11. Dengan menyertai promosi ini, Ahli Kad Bank Islam bersetuju mematuhi terma dan syarat promosi seperti yang ditetapkan dan/atau dipinda oleh ERL dan/atau Bank Islam dari masa ke semasa.
12. ERL adalah penyedia tunggal semua perkhidmatan kereta api dan/atau barangan, dan tambang tiket di bawah promosi ini. Tiket tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan yang dikenakan, dan juga syarat-syarat yang dinyatakan dalam Syarat Pengangkutan ERL. Syarat pengangkutan ERL boleh didapati di kaunter dan di laman web www.KLIAekspres.com. Dengan menyertai promosi ini, Ahli Kad bersetuju untuk mematuhi tambang tiket ERL dan Syarat Pengangkutan.
13. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian, keputusan ERL dan Bank Islam adalah muktamad.
14. Terma dan syarat ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan mahkamah Malaysia hendaklah mempunyai bidang kuasa yang tidak eksklusif terhadap sebarang pertikaian yang timbul atau berhubung dengan promosi atau terma dan syarat ini.

Penafian

1. Bank Islam tidak bertanggungjawab di atas sebarang tuntutan, kehilangan atau kerosakan, dan hal-hal lain yang timbul berkaitan dengan promosi ini.
2. Terma dan syarat Kad-i Bank Islam akan terus efektif sebagai terma dan syarat utama di samping terma dan syarat untuk promosi ini.
3. Ahli Kad yang beragama Islam adalah dinasihatkan untuk mematuhi prinsip-prinsip Shariah semasa menikmati promosi ini.
4. Pelanggan dinasihatkan untuk melayari <https://www.bankislam.com/promotions/untuk maklumat lanjut> atau pelanggan dinasihatkan untuk melayari laman web www.KLIAekspres.com.